



## 'Lapor KPDN jika status telur premium meragukan'

Oleh Essa Abu Yamin - Mei 15, 2023 @ 7:21pm  
essabuyamin@bh.com.my

GOMBAK: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) meminta pengguna membuat laporan jika mendapati telur yang dibeli tidak seperti dinyatakan sebagai telur Omega.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata KPDN akan menyerahkan bukti berkenaan kepada Jabatan Veterinar dan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi pengabsahan standard telur yang dilaporkan pengguna.

"Isu ini boleh disiasat mengikut Akta Perihal Dagangan 2011.

"Jika pengguna membeli telur yang diletakkan sebagai premium tetapi tidak yakin dengan kualitinya, mereka boleh buat aduan.

"Kita akan serahkan aduan dan bukti berkenaan kepada Jabatan Veterinar dan KKM," katanya ketika sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Inisiatif Payung Rahmah Bersama Giant di Pasaraya Giant Batu Caves di sini, hari ini.

Mengikut laporan sebelum ini, ladang telur di seluruh negara didakwa menggunakan syarikat subsidiari untuk menipu label telur biasa yang ditukar dan dilisytihar sebagai telur Omega bagi mengelak kawalan harga dan mengaut keuntungan berlipat ganda.

Situasi terbabit menyebabkan berlaku lambakan telur jenis itu di pasaran dan pada masa sama telur biasa gred A, B dan C berkurangan.